

R B433 DEB

KOMANWEL

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 24 SEPT (BERNAMA) -- MALAYSIA BUKANLAH NEGARA TUNGGAL YANG MEMPERSOAL FAEDAH MENGANGGOTAI KOMANWEL BERIKUTAN KEENGGANAN BRITAIN MENGENAKAN SEKATAN SEPENUHNYA TERHADAP AFRIKA SELATAN KERANA MENGAMALKAN DASAR APARTHEID, KATA PENASIHAT SIDANG PENGARANG KUMPULAN NEW STRAITS TIMES, HAJI ABDUL SAMAD ISMAIL HARI INI.

BEBERAPA NEGARA ANGGOTA YANG LAIN TURUT MEMPERSOAL FAEDAH BERADA DALAM KOMANWEL, KATA BELIAU.

OLEH ITU KENYATAAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENKKAJI KEANGGOTAAN MALAYSIA DALAM KOMANWEL BUKAN MERUPAKAN SUARA YANG JANGGAL DAN TERSISIH, KATANYA DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA RTM MALAM INI.

PERDANA MENTERI, KETIKA MENYENTUH DASAR LUAR NEGARA DALAM UCAPANNYA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-37 MINGGU LEPAS MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENKKAJI SEMULA KEANGGOTAAN NEGARA DALAM KOMANWEL.

HAJI SAMAD BERKATA, BEBERAPA NEGARA ANGGOTA KOMANWEL PERNAH MENYATAKAN TIADA GUNANYA MENGANGGOTAI PERTUBUHAN ITU KERANA PERDANA MENTERI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER LEBIH RAPAT DENGAN PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT, RONALD REAGAN DARIPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA KOMANWEL BERHUBUNG DENGAN SOAL SEKATAN TERHADAP AFRIKA SELATAN. -- LAGI.

1608MST 24 09 86

R B434 DEB

KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

HAJI SAMAD BERKATA, QUEEN ELIZABETH SENDIRI BERASA TIDAK SENANG DENGAN GELAGAT PUAN THATCHER MENGENAI DASARNYA TERHADAP AFRIKA SELATAN.

ANGGOTA-ANGGOTA PANEL YANG LAIN DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA ITU IALAH PENSYARAH DI JABATAN SEJARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DR PAMELA SODHY DAN SEORANG LAGI PENSYARAH JABATAN ITU DR KOBKUA SUWANNATHAT PIAN.

DR PAMELA BERKATA, SEKIRANYA MALAYSIA KELUAR DARIPADA KOMANWEL INI MENUNJUKKAN NEGARA INI INGIN LEBIH BERDIKARI DAN TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADANYA SEPERTI DAHULU.

BELIAU BERKATA, SETELAH HAMPIR 30 TAHUN MENIKMATI KEMERDEKAAN, MALAYSIA KINI BERADA DI PERINGKAT SEJARAH YANG BARU DAN TELAH MENJADI LEBIH MATANG.

+DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA, MALAYSIA DIHORMATI KERANA MEMPERJUANGKAN HAK MEREKA DALAM BIDANG EKONOMI, PENDIRIANNYA TENTANG ANTI-APARTHEID DAN SOAL DADAH,+ KATANYA. -- LAGI.

1610MST 24 09 86

R B435 DEB  
KOMANWEL 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI PANDANGAN DUNIA TERHADAP MALAYSIA, HAJI SAMAD PULA BERKATA, IA PERLU DILIHAT DARIPADA SEGI KEPENTINGAN NEGARA BERKENAAN TERHADAP MALAYSIA.

DASAR ANTI-APARTEID DAN PERJUANGAN MENYOKONG PALESTIN OLEH PEMIMPIN NEGARA SEKARANG LEBIH TEGAS DARIPADA PEMIMPIN DAHULU DAN DITERIMA SEPENUHNYA OLEH NEGARA DUNIA KETIGA KERANA MALAYSIA KINI ADALAH NEGARA YANG BENAR-BENAR BERDAULAT DAN BERKECUALI, KATANYA.

DR PAMELA PULA BERKATA, PANDANGAN DUNIA TERHADAP MALAYSIA BERGANTUNG KEPADA SESUATU ISU.

KATANYA, AMERIKA SYARIKAT LEBIH BERKERJASAMA DENGAN MALAYSIA MENGENAI SOAL DADAH DARIPADA MASALAH AFRIKA SELATAN SEMENTARA AUSTRALIA MEMBERIKAN KERJASAMANYA SEMASA KONFRANTASI MALAYSIA-INDONESIA DAHULU SEBELUM TIMBULNYA MASALAH DADAH DAN SOAL YANG MEMBABITKAN YURAN PELAJAR ASING DI UNIVERSITI DI AUSTRALIA.

BELIAU MENEGASKAN, PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI SOAL DADAH PERLU DIPUJI KERANA IA MERUPAKAN CARA YANG SESUAI MENGHAPUSKAN MASALAH ITU. -- LAGI.

1612MST 24 09 86

D134

R B437 DEB  
KOMANWEL 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DR KOBKUA PULA MENYATAKAN SOAL DADAH YANG DISUARAKAN OLEH MALAYSIA JUGA TELAH MENARIK PERHATIAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENGADAKAN PERSIDANGAN ANTIDADAH DI VIENNA, AUSTRIA TAHUN DEPAN.

MENGENAI PENUBUHAN SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN YANG DICADANGKAN OLEH MALAYSIA, DR PAMELA BERKATA IA DIBENTUK KERANA NEGARA INI INGINKAN KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN DAN NEGARA DUNIA KETIGA EKORAN TIDAK PUAS HATI TERHADAP KERJASAMA YANG DIBERIKAN OLEH NEGARA MAJU.

MENGENAI PELANCONGAN PULA, HAJI SAMAD BERKATA IA ADALAH SUMBER HASIL NEGARA YANG PENTING DAN PERLU DIMAJUKAN DENGAN PENGLIBATAN SELURUH RAKYAT.

-- BERNAMA.

1621MST 24 09 86